



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 25 FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PJKM DI DARO DAPAT SAMBUTAN HANGAT, UTUSAN BORNEO SARAWAK - ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	12 PETANI RUGI KEBUN SAYUR TENGGELAM, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN
3.	BUAH LAROK MAKIN TERANCAM, DALAM NEGERI, UM -32	
4.	LEMBU, KAMBING MERAYAU DISITA, NASIONAL, BH -20	
5.	LEBIH 1,000 POKOK PISANG MUSNAH DIBADAI RIBUT	
6.	JADI TAUKE PUYUH SELEPAS GAGAL TERNAK AYAM KACUK, NASIONAL, BH -15	
7.	12 PENANANM SAYUR SEDIH KEBUN DITELINGGAMI AIR, NEGERA, KOSMO -16	
8.	SITA 20 LEMBU, 18 KAMBING MERAYAU, LOKAL, HM -18	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

25 FEB, 2022

## PJKM di Daro dapat sambutan hangat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# PJKM di Daro dapat sambutan hangat

Pengunjung sambut baik, mohon inisiatif KPDNHEP dilaksanakan secara berkala

Oleh Mohamad Achil Norriatep

**MUKAH:** Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Long Heng Mini Market Daro yang diadakan selama dua hari bermula semalam ternyata mendapat sambutan hangat daripada pengguna di sekitar kawasan Daro.

Menurut Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah Salihin Den, melalui maklum balas pengunjung rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM ini dilaksanakan secara berkala.

"Pengunjung mengakui bahawa harga barang-barang dijual dapat meringankan bebanan kos sara hidup memandangkan dalam situasi harga barang yang dilaporkan telah meningkat," katanya dalam kenyataan media ketika Majlis Pelancaran PJKM Daro bagi Parlimen Igan di sini, semalam.

Sambutan positif itu juga katanya, turut memberikan kegembiraan rakyat di Parlimen Igan khususnya dapat membeli barang-barang yang ditawarkan dengan harga sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat.

PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga berpatutan yang lebih murah, antaranya ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung,



**RASMI:** Ahmad Johnie (lima, kiri), Salihin (empat kiri) dan yang lain ketika simbolik pelancaran PJKM Parlimen Igan di Daro, semalam.

beras dan barangan keperluan rumah terpilih.

Pihak KPDNHEP Mukah juga amat berterima kasih dengan kerjasama erat dan baik yang telah diberikan oleh agensi-agensi dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta rakan strategik Long Heng Mini Market dalam menjayakan PJKM Daro buat pertama kali itu.

Sementara itu, Ahli Parlimen Igan Ahmad Johnie Zawawi menggalakkan orang ramai di kawasan Parlimen Igan untuk merebut peluang tersebut. Ia katanya, membolehkan

rakyat merancang pembelian keperluan rumah dan seterusnya berjimat melalui tawaran yang diberikan.

Beliau pada masa sama turut mengingatkan semua peniaga agar sentiasa beretika

mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Tambahnya, kerajaan menyertai rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar yang

luar biasa ini dimana ia turut melanda dunia dan memberi kesan kepada rantau bekalan global dan negara.

Ahmad Johnie juga memberitahu, pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan terus melaksanakan peman-tauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mencukupi untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut dan aduan, beliau menyeru orang ramai untuk membuat aduan atau pertanyaan ke talian WhatsApp di 019-279 4317, aplikasi ez-Adn atau melalui e-mel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my.

“Pengunjung mengakui bahawa harga barang-barang dijual dapat meringankan bebanan kos sara hidup memandangkan dalam situasi harga barang yang dilaporkan telah meningkat.”

Salihin Den  
Krisis 02080 P. Gunung Mulu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## 12 petani rugi kebun sayur tenggelam

**SUNGAI PETANI:** Lebih 12 petani di Kampung Jelatang, Gurun di sini kehilangan mata pencarian selepas kawasan kebun milik mereka ditenggelami air didakwa akibat kerja-kerja menambak tanah untuk pembinaan rumah sejak dua bulan lalu.

Dakwa petani itu, kerja-kerja penambakan dipercayai dilakukan pemilik tanah yang baru membeli tanah di kawasan tersebut sehingga menyebabkan anak sungai tertimbus.

Keadaan itu dikatakan mengakibatkan aliran anak sungai tersekat seterusnya air melimpah ke dalam kebun mereka.

Sebahagian sayur dapat diselamatkan manakala terdapat tanaman rosak dengan anggaran kerugian kira-kira RM1,500 bagi setiap pekebun.

Petani, Abd. Aziz Mat Isa, 41, berkata, dia kehilangan mata pencarian kira-kira RM3,000 sebulan selepas tanah kebunnya seluas satu hektar tidak dapat diusahakan kerana ditenggelami air.

"Mata pencarian saya terjejas kerana tanaman kacang panjang, bendi dan cili tidak dapat diusahakan berikutan tapak pertanian dipenuhi air.

"Keadaan ini tidak pernah berlaku sejak saya mengusahakan tanaman kontan di sini lebih 20 tahun lalu," katanya semasa ditemui di sini semalam.

Seorang petani, Ahmad Said, 63, berkata, dia tidak menghalang pemilik tanah menambak tanahnya untuk apa sahaja tujuan, namun ia perlu mengambil kira kesan yang dihadapi pekebun lain apabila anak sungai merentasi tanahnya turut ditambak.

"Sepatutnya dia bertimbang rasa kerana anak sungai itu merupakan laluan air dan apabila ditutup tentu air akan melimpah memasuki kebun kami.

"Jika sekarang bukan musim hujan pun air melimpah kerana laluannya tersekat, bagaimana pula jika musim hujan kelak?" Soalnya tidak berpuas hati dengan tindakan pemilik tanah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Peniwar keracunan makanan, minuman ibu selepas bersalin

## Buah larok makin terancam

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD  
utusarnews@mediamula.com.my

**TEMERLOH:** Survival pokok buah larok merah atau larak, sejenis pokok ber kayu berakar yang memanjat pokok lain dan digunakan dalam perubatan tradisional kini semakin terancam.

Pokok dengan nama saintifiknya *polyalthia beccarii* itu terus terancam berikutan kelestarian hutan, lembah dan sungai semakin dicemari dan tuntutan pembangunan yang tidak terhenti.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pencinta Perubatan Melayu dan Kelestarian Alam, Prof. Datuk Dr. Aripin Said berkata, pokok herba berakar itu dahulunya mudah ditemukan di hutan belukar atau pinggir hutan dan tumbuh di tebing sungai berjuntaian semasa berbuah.

Tambah beliau, rasa buah



**SURVIVAL** pokok buah larok semakin terancam di hutan Malaysia disebabkan pelbagai faktor antaranya penerokaan hutan yang tidak terkawal.

larok masam-masam manis, berbiji dan sedikit kelat diguna-

kan oleh pengamal perubatan dan bahan minuman untuk ibu lepas bersalin dan keracunan makanan.

"Buah itu semakin kurang dikenali generasi sekarang berikutan kesukaran memperolehnya disebabkan pelbagai faktor seperti penerokaan hutan yang tidak terkawal.

"Generasi dewasa yang tinggal di kampung tentu masih bernostalgia menikmati buah ini bersama biji-bijinya dicecah sambal belacan walaupun sedikit kelat," katanya di sini semalam.

Aripin anak kelahiran Kampung Batu, Bor Chenor dekat sini mengakui buah-buahan hutan seperti buah larok antara buah yang sering menjadi makanan 'tambahan' semasa usia kanak-kanaknya.

Bagi pengamal ubatan tradisional, Soib Harun, 64, berkata, bidan-bidan kampung menggu-

nakan buah larok sebagai cam-puran ubat untuk ibu-ibu yang baharu bersalin terutama bagi mengecutkan saluran peranakan.

Tambah beliau, buah dan bunga larok berbau harum turut menjadi 'teman rezeki' sang lebah dan unggas lain sebagai makanan serangga berkenaan.

"Kepupusan pokok larok dan spesies hutan lain bukan sahaja menjejaskan rezeki manusia tetapi juga penghuni alam yang berkongsi sejak dahulu lagi," katanya.

Menurutnya, teras daripada akar pokok larok yang kedudukan songsang juga menjadi rebutan pengamal ilmu kebatinan bagi tujuan 'ilmu pelimun'.

"Akar ini dikenali jenis Larok Salah dan ia amat sukar ditemukan berikutan batang pokoknya yang melingkar mengikut arah kiri dan jenis daun yang terbalik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

# Lembu, kambing merayau disita

## MPKB-BRI laksana operasi hasil aduan pemilik lepas ternakan di jalan

Oleh Hidayatidayu Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) sudah menyita 20 lembu dan 18 kambing yang merayau di jalan sehingga membahayakan nyawa pengguna.

Tangkapan dilakukan hasil operasi bersepadu antara MPKB-BRI bersama polis dijalankan sejak sebulan lalu hingga semalam di daerah ini termasuk di jalan utama dan perkampungan.

Ketua Jabatan Penguatkuasaan MPKB-BRI, Mohd Halimie Md Salleh berkata, semua haiwan itu bernilai lebih RM100,000.

Katanya, dalam operasi terbaru kelmarin antara jam 12 tengah malam hingga 6 pagi di Kampung Seribong dan Jalan Baru Pasir Hor di sini, pihaknya menyita lima lembu yang merayau di jalan.

“Operasi dijalankan selepas mendapat aduan daripada orang awam dan hasil pemantauan anggotanya yang mendapati pemilik melepaskan haiwan peliharaan di jalanan.

“Haiwan yang disita berkenaan akan dibawa dengan lori dan disimpan di kandang simpanan MPKB-BRI sebelum dilelong kepada orang awam.

“Pemilik haiwan yang disita boleh dikenakan tindakan mengikut Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau MPKB (P) 2003 yang akan dikenakan denda RM2,000,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, ada pemilik mengaku haiwan yang disita mi-

likriya, namun ramai yang tidak mengaku kerana takut akan dikenakan tindakan.

“Kita menasihatkan kepada pemilik supaya menambat haiwan peliharaan mereka di tempat yang selamat bagi mengelakkan tindakan sita.

“Pihak kita akan terus membuat operasi sekiranya mendapat aduan dan mendapati ada haiwan yang masih merayau di jalan,” katanya MPKB-BRI turut menyita anjing jalanan.



Lembu peliharaan yang disita MPKB-BRI berikutan merayau di jalan raya di sekitar Kampung Seribong dan Jalan Baru Pasir Hor, Kota Bharu, kelmarin.  
(Foto ihsan MPKB-BRI)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	20



Azlan menunjukkan pokok pisang berangan yang musnah dilanda ribut di Kampung Padang Nyiur Ahad lalu. (Foto Ihsan Azlan Abdul Manaf)

## Lebih 1,000 pokok pisang musnah dibadai ribut

**Padang Terap:** Lebih 1,000 pokok pisang berangan milik dua petani di Kampung Padang Nyiur di sini, musnah selepas kawasan itu dilanda ribut dan angin kencang, Ahad lalu.

Kejadian itu menyebabkan pengusaha kerugian hampir RM40,000 berikutan hasil sepatutnya dituai tiga minggu lagi.

Petani, Zamri Ibrahim, 47, berkata kejadian ribut jam 5.30 petang itu menyebabkan 560 pokok pisangnya patah dan 440 pokok lagi menjadi condong.

"Kerugian yang saya tanggung bagi 560 pokok itu kira-kira RM20,000. Selalunya 560 pokok ini saya boleh dapat hasil 10 tan pisang yang dijual pada harga ladang RM2 sekilogram.

"Nampaknya bukan rezeki saya kali ini dan kami akan tanam semula dengan kos RM15 setiap pokok pisang, iaitu bermula kerja menanam, membaja dan membayar upah pekerja," ka-

tanya yang mengusahakan ladang itu sejak tiga tahun lalu.

Bagi rakannya, Azlan Abdul Manaf, 39, pula terpaksa menanggung rugi kira-kira RM17,000 selepas 470 pokok pisangnya musnah dan 500 lagi condong.

Katanya, dia sudah membuat laporan polis mengenai kejadian itu dan berharap agensi berkaitan dapat membantu meringankan beban mereka bagi proses penanaman semula.

"Bagi pokok yang condong, kami belum pasti sama ada buahnya dapat matang untuk dijual, harapkan pokoknya akan teguh sehingga tiga minggu lagi. Jika tidak, kami akan tanggung kerugian dua kali ganda.

"Pokok pisang mengambil masa setahun sebelum buahnya dapat dituai. Walaupun rasa sedih, namun saya reda," katanya yang tinggal di Kampung Pisang, di sini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

# Jadi tauke puyuh selepas gagal ternak ayam kacuk

**Permintaan sentiasa meningkat beri pulangan lumayan**

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
bhnews@bh.com.my

**Chukai:** Kegagalan projek ternakan ayam kampung kacuk diusahakan akibat COVID-19 sehingga kerugian puluhan ribu ringgit, tidak mematahkan semangat Mohd Tarmizi Ramli, 49, untuk kembali bangkit.

Sebaliknya, pengalaman itu dimanfaatkan sebaik mungkin anak kelahiran Kampung Gong Chengal, dekat Kemasik, di sini, dalam projek ternakan puyuh diusahakannya sejak pertengahan tahun lalu.

Berkat kegigihan Mohd Tarmizi, projek itu mendapat sambutan luar biasa, sekali gus menjanjikan pulangan lumayan.

Mengulas ternakan ayam kacuk sebelum ini, katanya projek diusahakannya di Kampung Durian Mas, dekat Dungun itu terjejas apabila Perintah Kawalan



Mohd Tarmizi menunjukkan puyuh siap diproses di Pusat Penternakan Puyuh Bersepadu Seri Bandi, Chukai, semalam. (Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

Pergerakan (PKP) berkuat kuasa, menyebabkan ayam diternak tidak dapat dipasarkan.

"Kegagalan itu tidak mematahkan semangat saya, sebaliknya memberi pengajaran dan pengalaman sangat berguna apabila beralih kepada penternakan burung puyuh pedaging.

"Dibawah bimbingan dan bantuan pelbagai pihak, termasuk Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), saya berjaya mengusahakan ladang

puyuh pedaging sekarang," katanya ketika ditemui di Pusat Penternakan Puyuh Bersepadu Seri Bandi, di sini, semalam.

Mohd Tarmizi berkata, pada mulanya, dia hanya mengeluarkan 3,000 puyuh siap diproses seminggu atau 12,000 sebulan, namun bermula Februari lalu jumlah itu meningkat sehingga 5,000 seminggu atau 20,000 sebulan.

"Saya meletakkan sasaran pengeluaran minimum 50,000 pu-

yuh pedaging sebulan tahun ini. "Dengan keadaan semasa, saya tidak mampu menampung permintaan tinggi dan sentiasa perlu meningkatkan jumlah puyuh yang diternak.

"Selain puyuh segar dari ladang, saya menyediakan puyuh sejuk beku untuk dipasarkan ke pasaran luar Terengganu," katanya mengakui penternakan puyuh lebih mudah dan cepat memberi pulangan berbanding ayam kampung kacuk.

Mengulas kelebihan ternakan puyuh, katanya, kos makanan tidak setinggi kos makanan ayam setiap bulan dan waktu matang puyuh untuk disembelih serta dijual juga tidak lama seperti ayam.

"Keseronokan menternak puyuh juga kerana risiko kematian akibat penyakit lebih rendah berbanding ayam," katanya.

Beliau pada masa sama bersyukur kerana banyak pihak memberi bimbingan dan bantuan dari pelbagai segi untuk memastikan penternakan puyuh pedaging berjaya.

"Saya akan mengembangkan lagi saiz penternakan dan pada masa sama menyediakan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	KOSMO	NEGARA	16

## 12 penanam sayur sedih kebun ditenggelami air

**GURUN** - Lebih 12 penanam sayur di Kampung Jelatang di sini kehilangan mata pencarian selepas kawasan kebun milik mereka ditenggelami air didakwa akibat kerja-kerja menambak tanah untuk pembinaan rumah sejak dua bulan lalu.

Dakwa penduduk, kerja-kerja penambakan dipercayai dilakukan pemilik tanah yang baru membeli tanah di kawasan tersebut sehingga menyebabkan anak sungai tertimbus.

Keadaan itu dikatakan mengakibatkan aliran anak sungai tersekat, seterusnya air melimpah ke dalam kebun mereka.

Sebahagian sayur dapat diselamatkan, manakala terdapat tanaman rosak dengan anggaran kerugian kira-kira RM4,500 bagi setiap pekebun.

Pekebun, Abd. Aziz Mat Isa;



**ABD. AZIZ** (dua dari kiri) menunjukkan kebun sayuran kontan miliknya di Kampung Jelatang, Gurun semalam.

41, berkata, dia kehilangan mata pencarian kira-kira RM3,000 sebulan selepas tanah kebunnya sehuas satu hektar tidak dapat

dusahakan kerana ditenggelami air.

"Mata pencarian saya terjejas kerana tanaman kacang panjang,

bendi dan cili tidak dapat diusahakan berikutan tapak pertanian dipenuhi air.

"Keadaan ini tidak pernah ber-

laku sejak saya mengusahakan tanaman kontan di sini lebih 20 tahun lalu," katanya semasa ditemui di sini semalam.

Seorang pekebun, Ahmad Said, 63, berkata, dia tidak menghalang pemilik tanah menambak tanahnya untuk apa sahaja tujuan, namun dia perlu mengambil kira kesan yang dihadapi pekebun lain apabila anak sungai merentasi tanahnya turut ditambak.

"Sepatutnya dia bertimbang rasa kerana anak sungai itu merupakan laluan air dan apabila ditutup tentu air akan melimpah memasuki kebun kami.

"Keadaan ini menyebabkan saya kehilangan mata pencarian sebanyak RM3,000 sebulan selain terjejas usaha menyara tiga anak," katanya yang telah berkebun sejak lebih 15 tahun lalu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	18

# Sita 20 lembu, 18 kambing merayau

**Kota Bharu:** Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) sudah menyita 20 lembu dan 18 kambing yang merayau di atas jalan sehingga membahayakan nyawa pengguna.

Tangkapan dilakukan hasil operasi bersepadu antara MPKB-BRI bersama pihak polis itu dijalankan sejak sebulan lalu sehingga kelmarin di daerah ini termasuk di jalan utama dan perkampungan.

Ketua Jabatan Penguatkuasaan MPKB-BRI, Mohd Halimie Md Salleh berkata, semua haiwan itu bernilai lebih RM100,000.

Katanya, dalam operasi terbaharu kelmarin, antara jam 12 tengah malam hingga 6 pagi di

Kampung Seribong dan Jalan Baru Pasir Hor di sini, pihaknya menyita lima lembu yang merayau di atas jalan.

“Operasi dijalankan selepas mendapat aduan daripada orang awam dan hasil pemantauan anggotanya yang mendapati pemilik melepaskan haiwan peliharaan di jalanan.

“Haiwan yang disita akan dibawa dengan lori dan disimpan di kandang simpanan MPKB-BRI sebelum dilelong kepada orang awam.

“Pemilik haiwan yang disita boleh dikenakan tindakan mengikut Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau MPKB (P) 2003

yang akan dikenakan denda

RM2,000,” katanya di hujung di sini, semalam.

Semua haiwan ditangkap bernilai lebih RM100,000